

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG
[KOTA SAMARAHAN]**

TARIKH : 29 JULAI 2020 [RABU]

SOALAN

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan status terkini :-

- a) pembinaan Balai Bomba baru bagi daerah Asajaya, Bahagian Samarahan; dan
- b) pelaksanaan Program Perumahan Rakyat dan Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM) di Sarawak khususnya di Kota Samarahan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

JAWAPAN (A) :

1. Untuk makluman Yang Berhormat, projek Balai Bomba dan Penyelamat Asajaya, Kota Samarahan telah diluluskan dalam RMKe-11 *Rolling Plan* Keempat (RP4) Tahun 2019 dengan kos projek berjumlah RM7.95 juta. Projek tersebut telah dimulakan pada 25 November 2019 dan dijangka siap pada 24 Mei 2021.

2. Status terkini pembinaan adalah mengikut jadual iaitu 6% kemajuan sebenar di tapak. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) juga telah mengambil langkah proaktif dengan membina sebuah balai bomba sementara di kawasan Asajaya dengan kerjasama Pejabat Daerah Asajaya. Balai bomba sementara ini telah siap dibina pada 1 Jun 2019 dengan kekuatan 25 orang anggota. Balai bomba sementara ini dilengkapi sebuah jentera *Fire Rescue Tender* dan sebuah bot berserta enjin 15 *horse power* bagi tujuan penyelamatan di air.

3. KPKT akan meneruskan pemantauan projek pembinaan Balai Bomba dan Penyelamat Asajaya agar dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan bagi membolehkan masyarakat setempat menerima perkhidmatan kebombaanan yang lebih cepat dan berkualiti.

JAWAPAN (B) :

4. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi **Program Perumahan Rakyat (PPR)** di Negeri Sarawak sehingga 30 Jun 2020, sebanyak 8 projek yang melibatkan jumlah keseluruhan 4,140 unit telah siap dibina termasuk 1 projek di Samarahan seperti berikut:

BIL.	LOKASI	BILANGAN UNIT	STATUS
1.	PPR Sri Wangi, Kuching	200	Siap
2.	PPR Bt. 5, Kuching	816	Siap
3.	PPR Batu Gong, Siburan	500	Siap
4.	PPR Seduan, Sibuan	500	Siap
5.	PPR Kemena, Bintulu	1,000	Siap
6.	PPR Lambir, Miri	505	Siap
7.	PPR Samarahan	180	Siap
8.	PPR Sg. Tengah, Kuching	439	Siap
	JUMLAH	4,140	

5. Selain 8 projek PPR tersebut, terdapat 3 lagi projek PPR **dalam status pembinaan** di lokasi-lokasi lain di Sarawak dengan jumlah unit sebanyak 1,112 seperti berikut:

BIL	LOKASI	BILANGAN UNIT	STATUS
1.	PPR Petra Jaya	208	Dalam Pembinaan (87%)
2.	PPR Landeh	443	Dalam Pembinaan (60.4%)
3.	PPR Seduan	461	Dalam Pembinaan (2.59%)
	JUMLAH	1,112	

6. Bagi **Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM)**, terdapat 1 projek di kawasan Kota Samarahan, dengan pembangunan sebanyak 300 unit apartmen yang dijangka siap pada Mac 2021 seperti butiran berikut:

BIL.	JENIS UNIT	SAIZ (KPS)	BILANGAN UNIT	HARGA (RM)	STATUS
1.	Apartmen Jenis A	1,150	46	297,850.00	Dalam Pembinaan (79%)
2.	Apartmen Jenis B	1,000	202	259,000.00	
3.	Apartmen Jenis C	850	52	198,900.00	
JUMLAH			300		

7. Selain 1 projek PPAM di Kota Samarahan, terdapat 6 lagi projek PPAM di lokasi-lokasi lain di Sarawak dengan jumlah unit sebanyak 1,493 seperti berikut:

BIL	LOKASI	BILANGAN UNIT	STATUS
1.	Muara Tuang	340	Siap
2.	Miri (Eastwood Valley)	204	Siap
3.	Sibu	219	Dalam Pembinaan (44%)
4.	Tabuan Jaya	192	Dalam Pembinaan (36%)
5.	Matang	198	Kelulusan Pelan Bangunan
6.	Miri (Jalan Pujut)	340	Perancangan
JUMLAH		1,493	

Sekian, terima kasih.